

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN
(NIBONG TEBAL)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.06.2015

Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan terperinci hutang-hutang negara dan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi menangani kepincangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah **hutang Kerajaan Persekutuan** pada akhir Mac 2015 adalah **sebanyak RM596.8 bilion atau 51% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)**. Daripada jumlah berkenaan, **97% atau RM579.2**

bilion adalah hutang domestik, sementara bakinya RM17.6 bilion atau 3% merupakan pinjaman luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang Kerajaan Persekutuan adalah meliputi pinjaman dalam negeri (domestik) yang merangkumi Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK), Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), Bil Perbendaharaan dan juga pinjaman bagi Tabung Pinjaman Perumahan Kerajaan. Manakala, bagi pinjaman luar negeri, ianya meliputi pinjaman pasaran iaitu sukuk-sukuk global dan pinjaman projek yang diperolehi daripada institusi multilateral seperti Asian Development Bank (ADB) dan Islamic Development Bank dan institusi bilateral seperti Japan Bank for International Cooperation (JBIC) dan Japan International Cooperation Agency (JICA).

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit

secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampan sebarang krisis.

3. Bagi memastikan paras hutang adalah terkawal dan terurus, beberapa langkah kawalan berikut perlu dipatuhi iaitu:

- i. Memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa dibiayai melalui hasil negara dan seterusnya memastikan sebahagian daripada hasil negara tersebut dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan;
- ii. Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada *outcome*, bagi mengelakkan pembaziran;
- iii. Pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa

panjang;

- iv. Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah; dan
- v. Memastikan bahawa hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan sentiasa berada dibawah RM35 bilion. Sehingga akhir Mac 2015, hutang luar pesisir Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM17.6 bilion, jauh lebih rendah daripada had yang dibenarkan dibawah Akta Pinjaman Luar 1963.